

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

11. Apakah langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kesemua penerima yang tidak mampu untuk membuka akaun bank mempunyai peluang mendapatkan wang mereka sekiranya wabak ini berlanjutan sehingga akhir tahun?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Bagi pembayaran bantuan kepada penerima yang layak di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang, keutamaan pembayaran adalah melalui *electronic fund transfer* (EFT) dan penerima bantuan perlulah mempunyai akaun bank.

Sekiranya penerima tidak mempunyai akaun bank dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan, penyerahan bantuan secara tunai boleh dipertimbangkan dengan melaksanakan prosedur/langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian bagi melindungi penerima dan petugas.

Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan pembayaran *one-off* RM500 secara tunai kepada penarik beca yang majoritinya tiada akaun bank pada 5 April 2020.